

26 NOV 1996

Korea - lawat

PRESIDEN KIM TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Presiden Korean Selatan Kim Young Sam tiba di sini hari ini bagi memulakan lawatan rasmi selama tiga hari.

Kim, yang diiringi oleh isterinya Puan Kim Young Sam, disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya Datin Endon Mahmood di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang.

Yang turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang menjadi menteri pengiring dan isterinya Tunku Datin Maziah Tunku Mustapha.

Sebelum Malaysia, Kim melawat Filipina selama lima hari dan juga menghadiri sidang kemuncak 18 negara forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) keempat. Beliau juga melawat Vietnam sebelumnya.

Turut serta dalam rombongan Kim ialah beberapa menteri kabinetnya dan wakil-wakil sektor swasta.

Rombongan Kim kemudiannya dibawa ke Bangunan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Ketibaan Kim di Bangunan Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Pancaragam Tentera Udara Diraja Malaysia memainkan lagu kebangsaan kedua-dua negara dan Kim kemudiannya memeriksa barisan kerhormat oleh empat pegawai dalam 107 anggota Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai oleh Mejar Hamdi Abdul Rahmat.

Pemimpin Korea itu juga disambut dengan 21 das tembakan penghormatan.

Beliau kemudiannya diperkenalkan kepada menteri-menteri Kabinet dan para diplomat asing.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah akan meraikan Kim dan rombongannya ke satu jamuan negara di Istana Negara malam ini.

Kim dijadual mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir esok. -- BERNAMA

RV WAT